

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia



DR SITI HASMAH

Isteri PM antara penerima anugerah Sultan Kedah

ALUR SETAR, Khamis — Tiga darjah kebesaran baru diadakan dalam penganugerahan darjah-darjah kebesaran dan pingat-pingat sempena perayaan Jubli Perak Sultan Kedah tahun ini.

Darjah-darjah itu ialah Dato Paduka Seri Setia Sultan Abdul Halim Mu-Adzam Shah (DHMS) yang membawa gelaran Dato Paduka, Setia Sultan Abdul Halim Mu-Adzam Shah (SMS) dan Bintang Sultan Abdul Halim Adzam Shah (BMS).

Sultan Kedah menganugerahkan Bintang Keberanian Negeri Kedah (BKK) kepada Allahyarham Pemangku Mejar Zainal bin Abdul Rashid, Ketua Kompeni 17 Rejimen Askar Melayu Diraja Majidi, di Johor.

Tengku Bendahara Johor mengetuai senarai 416 penerima anugerah Sultan Kedah di Istana Anak Bukit, esok.

Tengku Bendahara adalah antara tiga penerima Darjah Seri Setia Diraja Kedah (SSDK) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Gelaran

Dua penerima lain ialah Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah dan sepupu Sultan Kedah, Tunku Datuk Ahmad bin Tunku Yahaya.

Ahli Exco Negeri, Datuk Haji Osman bin Aroff, adalah antara tiga penerima darjah kebesaran baru — Datuk Paduka Seri Setia Sultan Abdul Halim Mu-Adzam Shah (DHMS).

Dua penerima lain ialah Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Haji Radzi bin Bassir dan Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Tan Sri Datuk Mohamed Ghazali bin Datuk Mohamed Seth.

Sembilan orang menerima anugerah Ahli Mahkota Kedah (AMK), 39 menerima Bintang Perkhidmatan Cemerlang Negeri Kedah (BKK), enam menerima Jaksa Pendamai (JP) 61 Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PCK), 23 Bintang Kebaktian Masyarakat Negeri Kedah (BKM), 160 Pingat Jasa Kebaktian (PJK) dan 89 Pingat Negeri Kedah untuk pekerjaan lama.

41/86